

# NADRAH-ANAK ANGKAT YANG MENGGEMPARKAN RUSUHAN DAN TUMPAH DARAH KERANA TAK PUAS HATI

Suatu rusuhan yang tidak disangka-sangka oleh pihak orang-orang yang mengecilkan hemah orang-orang Islam telah berbangkit mulai dari hari Isnin 11 Disember 1950 yang hebatnya berlaku selama dua hari ialah oleh kerana orang-orang Islam tidak berpuashati kepada langkah-pihak yang berkuasa atas perkara Nadrah seorang saudara Islam mereka yang telah diberi keputusan oleh Tuan Hakim Brown di dalam perbicaraannya bahawa ia bukannya seorang Islam; perkahwinan di antaranya dengan Mansur Adabi tidak sah ; kuasa kadi yang mendapat tauliah daripada gabenor Singapura tidak berkuasa menjadi wali tahkim – iaitu perkara-perkara yang dipandang oleh orang-orang Islam nampaknya tidak menghormati hak kebebasan beragama di negeri ini. Kepanasan itu bertambah lagi apabila nampaknya pihak kounsel Belanda dan ibu Nadrah yang meletakkan Nadrah itu di convent dengan menyebarkan pula gambar-gambarnya di dalam akhbar “ Singapore Standard” yang dipandang oleh orang-orang Islam ialah sebagai tepuk dada kerana daripada gambar itu adalah menaikkan permulaan kemarahan mereka.

## KURANG HALUS SIAHAH

(oleh Ahmad Lutfi)

Segala perkara-perkara yang tidak memuaskan hati itu menurut apa yang saya ketahui daripada punca-punca yang boleh dipercayai telah pun disampaikan kepada pihak yang berkuasa di Singapura ini sebelum lagi perkara yang tidak digemari ini berlaku dan pihak yang menyampaikan ini khabarnya menuntut sebagai langkah yang pertama supaya Nadrah itu dipindahkan dari convent sebelum tuntutan mengadakan ulangcara pada 11 haribulan itu diadakan tetapi pihak yang berkuasa yang tidak mengetahui bagaimana sifat dan hati orang-orang Islam yang dicap hak agamanya itu khabarnya telah pun berpendapatan bahawa orang Islam tidak akan mengadakan bangkitan atau mengadakan perlawanan dan perasaan tidak puas hati itu hanya tinggal begitu sahaja.

Sangkaan ini adalah salah semata-mata kerana perasaan yang meluap itu telah ada di dalam hati tiap-tiap mereka yang

menjadikan mereka tidak tersabar lagi. Sekalipun

ketua-ketua mereka telah meminta supaya mereka pada hari perbicaraan jangan hampir ke mahkamah tetapi mereka tidak lagi bersabar lalu mereka dengan bersendiri-sendiri, dengan kemahuan mereka sendiri, berarak di hadapan bangunan mahkamah itu dengan membawa cogan-cogan kata dan bendera Islam.

Pada permulaannya tidak ada suatu perkara yang harus membawa perarakan itu akan menjadi kepada rusuhan tetapi apabila pihak polis mendapati keadaan itu harus dikawal maka mereka sekali lagi telah tersalah lalu menghantarkan pula sepasukan Ghurka yang mana telah menjadi kemarahan mereka lebih-lebih merebak lagi dan di dalam masa itulah seorang yang berpakaian preman yang diketahui oleh orang ramai ialah seorang serani yang berdiri pada masa itu tidak jauh daripada penulis – jaraknya lingkungan di antara lima dengan sepuluh ela – telah menangkap seorang Melayu dengan tangan kirinya sambil sebelah tangannya mengacu selaras pistol. nampaknya orang-orang yang telah marah itu apabila pistol diacukan telah menerkam kepada orang itu dan yang demikian terjadilah

tembakkan lebih kurang empat das. Di dalam masa itu seorang pegawai polis Eropah yang beruniform telah melompat dari belakang orang serani itu merampas pistolnya lalu menariknya menaikkan dia ke atas kereta lalu membawa lari dengan segera di dalam lemparan kayu dan baru yang bertalu-talu dengan hebat. Saya nampak dua orang yang tercedera.

Kedaaan saya di sana dihantar oleh Tuan Karim Ghani bersama-sama dengan lima orang lagi untuk meminta kepada orang ramai supaya tenang dan sabar dengan lebih dahulu meminta kebenaran penulis yang berkawal di situ berkerjasama. Pada masa sebelum tembakkan itu kita telah nampak bahawa keadaan itu harus boleh dikawal tetapi apabila tembakkan berlaku maka kemarahan orang ramai itu tidak dapat disabarkan lagi dan salah seorang yang telah kena tembak sedikit di kepalanya matanya telah merah seperti pinang masak dan saya bersegera memeluknya meminta ia bersabar dan Alhamdulillah kemudian ia menjadi seorang yang tenang sedikit.

Untuk menjauhkan keadaan yang lebih buruk berlaku di situ maka kami berikhtiar membawa mereka ke kawasan daerah Kampung Gelam dan Roach kerana kami takut kami tak dapat mengawalnya lagi dan berharap apabila sampai di Masjid Sultan kelak dapat mereka tenang dan dapat dipujuk masuk ke dalam masjid mendengar nasihat-nasihat daripada pihak kami tetapi segala percubaan itu sesia belaka sebab kemarahan umat Islam sudah tidak dapat tertahan lagi dan daripada semenjak itulah membawa kepada malamnya pertentangan berlaku dengan hebatnya dan di dalam masa itu mereka-mereka yang dikatakan penganjur-penganjur Islam tidak nampak pun hujung hidungnya. Hampir-hampir lima jam lamanya kami berikhtiar mengamankan di dalam lemparan batu kayu tetapi ikhtiar kami itu sesia sahaja dan tidak mampan lagi. Demikianlah riwayat kejadian itu.

## MENGAPA DEMIKIAN KEADAANNYA?

Pihak yang berkuasa yang selama ini barangkali menyangka bahawa semangat Islam yang ada di dalam hati seseorang Melayu itu tidak akan boleh bangkit telah tidak mengendahkan nasihat-nasihat yang dikatakan telah disampaikan kepada pihak berkuasa bahawa orang Islam itu ada mempunyai suatu sifat yang berlainan daripada keadaan lain-lain agama. Mereka akan tenang, aman, dan sabar kepada apa juga percubaan atas dirinya kepada penanggungannya tetapi kesabaran itu akan hilang sekiranya kehormatan agamanya akan terganggu atau dicela. Atas perkara ini orang-orang Islam sendiri mengetahui bahawa mereka tidak sayang menjual nyawanya kerana mempertahankan kemuliaan agama Allah dan barangkali dengan kerana itulah mereka tidak tertahan lagi dengan tidak ada suatu anjuran mereka telah mengadakan perlawanan yang luar biasa yang memeranjatkan kepada pihak yang berkuasa – mudah-mudahan ini menjadi suatu pelajaran untuk mengukur semangat dan hati orang-orang Islam.

Sekarang marilah kita memerhati tentang keputusan Tuan Hakim Brown yang nampaknya diambil olehnya itu telah pun menyentuh hak kebebasan beragama di negeri ini yang sepatutnya yang demikian itu tidak akan terjadi. Tatkala menyatakan yang Nadrah itu bukan seorang Islam Tuan Hakim Brown telah mengambil suatu misal dengan menyatakan jika anak seorang Kristian yang berumur enam tahun diIslamkan oleh seorang gaji yang beragama Islam maka adakah yang demikian itu akan menggugurkan hak bapanya ke atasnya? Tuan Hakim Brown menyatakan yang demikian itu tidak; Islam juga menyatakan tidak yang demikian itu tidak diakui dan ia tidak melucutkan hak-hak ibu bapanya dan keredhaannya itu tidak diiktiraf oleh kerana Rasulullah (SAW) bersabda yang maksudnya “Kanak-kanak itu adalah bersih, kedua-dua ibu bapanya itulah

yang mencorakkannya sama ada ia menjadi Nasrani, Yahudi atau Majusi. “Pada masa kecil kanak-kanak itu akuannya tidak diterima tetapi akuan itu diterima sesudah ia baligh maka akuannya itu diterima dan ia itu menjadi seorang Islam dan jika ada percubaan sesuatu atas dirinya untuk mengeluarkannya daripada agama Islam maka mempertahankannya itu untuk pengajaran Islam wajib kepada tiap-tiap Muslimin.

Di dalam majalah ini telah pernah ditulis bahawa seseorang itu adalah terlepas daripada tanggungan ibu bapanya, bebas daripada segala pikulan ibu bapanya apabila ia baligh. Mulai dari hari itu ia terbilang atau terhitung sebagai seorang bukan sebagai kanak-kanak lagi. Kalau ia ada pusaka daripada orang tuanya maka pusaka itu wajib diserahkan kepadanya, harta benda itu boleh diurusnya sendiri dengan sesukanya, dengan tidak boleh mendapat teguran daripada sesiapa pun kecuali kalau ia boros atau menggunakan harta itu kepada maksiat maka harta itu perlu dikawal jadi seseorang yang sudah baligh itu boleh mengurus dirinya – ia mempunyai kemerdekaan di dalam serba serbinya, kemedekaan yang mana telah diakui agama, akal dan adat – demikian pandangan di dalam Islam meletakkan seseorang itu sesudah baligh. Di sini terbitlah perselisihan tentang meletakkan fahaman atau meletakkan hukuman mensabitkan adakah sebenarnya Nadrah itu seorang kanak-kanak. Menurut agama Islam Nadrah itu bukannya lagi seorang kanak-kanak sebab ia telah baligh bahkan ia sendiri telah mengaku dengan berterang-terang ia adalah seorang Islam, pengakuan yang mana adalah diterima dengan tidak syak lagi oleh Islam oleh kerana ia baligh bukannya berumur 6 tahun atau sebagai kanak-kanak lagi sebab ia telah sempurna syarat-syarat pengakuannya sebagai seorang Islam.

Sekarang kita masuk pula di dalam hak kadi.

Di dalam Singapura ini oleh kerana jajahan takluk British maka tauliah kadi itu atas orang-orang yang tidak

ada walinya biasanya menjalankan kuasanya sebagai wali tahkim wali tahkim itu berlaku terutamanya kepada anak-anak angkat dan sebagainya dan di dalam mengkahwinkannya itu lazim dijalankan keadaan yang demikian ini. Bagi perempuan-perempuan yang masih gadis yang bapanya bukan orang Islam maka perempuan itu apabila hendak berkahwin hendaklah ia bertahkim oleh kerana dengan sebab agama itu telah mengugurkan pertaliannya dengan ayah dan bondanya dan di antara isteri dengan suaminya kerana syaratnya itu hendaklah ia orang Islam. Yang demikian ini keadaannya tidak sama seperti keadaan seorang perempuan yang sememangnya Kristian yang akan bersuami kepada seorang Islam kerana perkahwinan yang begini semolek-moleknya diminta izin bapanya. Ini tidak sama keadaannya dengan wali majbur. Syarat wali majbur itu hanyalah daripada bapa yang seagama dan wali majbur ini pada setengah-tengah tempat nasnya tidak berapa kuat dan pada pula yang berpegang kepada al-Quran dan hadis bahawa wali majbur itu hanya sunat sahaja bukannya wajib oleh sebab ada hadis yang kuat mengatakan bahawa wali itu tidak boleh mengkahwinkan anak gadisnya melainkan dengan izinnya dan izinnya itu memadai dengan diamnya tetapi yang lebih baik hendaklah dengan izinnya yang tepat juga supaya tidak menjadi penyesalan di kemudian hari. Hadis-hadis tentang ini bukan tempatnya hendak dibawa di sini tetapi memadai saya menerangkan bahawa jika dilakukan kuatkuasa wali majbur itu sudah tentu boleh dipandang akan mengambil kebebasan perempuan yang dikawal dari semasa ke semasa oleh agama Islam.

Dengan keterangan ini zahir bahawa mengikut pandangan agama Islam bahawa sedangkan orang-orang yang beragama Islam sendiri bebas menetapkan perkahwinannya kepada sesiapa yang dikehendaknya dan ia boleh memilih atau melantik orang yang bakal menjadi wakilnya (wali) untuk mengkahwinkannya kepada sesiapa yang dikehendaknya dengan keredhaannya, dengan hanya agama meafidhalkan berwali dengan terlebih dahulu wali bapanya dan seterusnya kepada yang lain-lain

tetapi ia bukannya suatu kewajiban untuk menghalang kebebasan perempuan tadi maka dengan keterangan ini betapa pula halnya jikalau seorang perempuan yang telah baligh dan mengaku beragama Islam yang walinya terputus dengan sebab berlainan agama itu sudah terang ia berhak dengan sabit memberi kuasa kepada kadi yang menikahkannya (dengan sebab peraturan dan undang-undang negeri kerana tauliah kadi untuk mendaftarkan nikah itu) ataupun kepada sesiapa yang ia sukai untuk menikahkan dirinya oleh kerana syarat perkahwinan itu di dalam Islam sah dengan mengikut syarat-syaratnya iaitu mempelai lelaki dan pengantin perempuan, ijab dan kabul, saksi dan maharnya, wali yang menikahkan.

Demikianlah pandangan mengikut segi agama Islam yang mensabitkan Nadrah itu Islam – perkahwinannya sah sebagaimana juga yang telah diisytiharkan oleh majlis ulama Singapura dan juga, menurut siaran akhbar, Tengku Mahmud Zahdi Syekh al-Islam Selangor mengakui Nadrah itu sebagai seorang Islam dan nikahnya itu sah dan keterangan Tengku Mahmud Zahdi di dalam mahkamah itu menurut pandangan saya ialah atas perkahwinan di antara seorang Islam dengan seorang kafir katabi di dalam mana keraian daripada ibu bapanya itu adalah dikehendaki bukannya wajib wali atas mereka itu sebab wali itu telah putus dengan kerana berlainan agamanya.

Inilah dia perasaan-perasaan yang menjadikan sebab orang-orang Islam terasa tersentuh kehormatannya dan yang demikian itu bertambah-tambah lagi, sebagaimana yang tersebut di atas tadi sesudah Nadrah diserahkan kepada ibunya maka bersama-sama kounsel Belanda telah meletakkan Nadrah di dalam convent dan menyebarkan pula gambar-gambar yang menunjukkan pula Nadrah dalam masa 12 jam setelah masuk ke convent itu kononnya Nadrah telah menukar agama tetapi dengan kuasa Allah orang Islam mengetahui bahawa paksaan supaya Nadrah menukar agama itu nampak zahir telah diperbuat dan inilah yang menjadikan tiap-tiap

seorang tua atau muda, lelaki dan perempuan telah naik berang dan keberangan itu berakhir dengan kejadian tembak di hadapan bangunan mahkamah yang menjadikan punca huru hara itu. Perkara ini adalah wajib disiasat dengan sehalus-halusnya oleh kerajaan.

Sepatutnya bila masa huru hara komunis berlaku di dalam Tanah Melayu tidaklah hendaknya berlaku kejadian yang seumpama ini yang sebanyak sedikitnya akan membawa kesan kepada perasaan dan pandangan yang tidak baik daripada orang-orang Islam kepada pihak kerajaan dan inilah dia perkara-perkara sebelum kejadian itu yang ditakuti akan terjadi adanya oleh pihak ketua-ketua Islam.

Untuk membaikkan perasaan sebaik-baik yang demikian ini adalah menjadi suatu tanggungan yang sangat besar kepada pihak kerajaan dan selagi usaha-usaha itu tidak dijalankan maka sudah tetap orang-orang Islam apabila memandang pihak pertadbiran umpama “muka berpandangan, budi kedapatan”

Seperkara yang patut diperhati oleh pihak kerajaan ialah kesan keputusan yang mengenai perkara Islam umumnya iaitu tentang hak-hak seorang yang telah mengakui dirinya Islam, hak perkahwinan Islam itu wajib dengan segera diterangkan supaya orang Islam itu wajib dengan segera diterangkan supaya orang Islam mengetahui di mana sempadan kebebasan beragama di negeri ini dan sampai di mana kuasa kadi sebab keputusan itu nanti akan meleret membawa kepada perkara-perkara yang di belakang.

Selain daripada itu patut disebut di sini maka apabila keadaan telah aman semula maka timbullah jawatankuasa baharu daripada “penganjur” yang kononnya hendak mengikhtikarkan keamanan padahal keadaan sudah pun aman. Inilah sifat yang nampaknya boleh disebut mencari peluang supaya terkemuka ataupun dikemukakan dengan tidak memikirkan bahawa kezahiran mereka yang baharu itu seolah-olahnya mencari perlumbaan dan kesannya tentulah membawa pecah belah. Pandanglah ke hadapan supaya kita selamat adanya.